

D734

U B860 AAB

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2130 HARI INI

MAHATHIR - PERUTUSAN

85 (P)
KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEMERDEKAAN YANG DIPERJUANGKAN DAHULU AKAN MENJADI SIA-SIA SAHAJA JIKA + NEO-COLONIALISM +, YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI PENJAJAHAN CARA BARU, DIBENAR MENGGANTIKANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PENJAJAHAN CARA INI BOLEH DILAKUKAN MELALUI PENGUSAHAAN EKONOMI, IDEOLOGI POLITIK ATAU KONGKONGAN KEBUDAYAAN.

DALAM DUNIA YANG SEMAKIN KECIL AKIBAT PERHUBUNGAN YANG LEBIH MUDAH, GEJALA +NEO-COLONIALISM+ TELAH MUNCUL, KATA BELIAU DALAM PERUTUSANNYA SEMPERNA MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN YANG KE-28 YANG DISIARKAN MELALUI RADIO DAN TELEVISION MALAYSIA MALAM INI.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, KUASA-KUASA BARU SUDAH MUNCUL SEBAGAI +NEO-COLONIALIST+ DAN MEREKA TIDAK PERLU BERGANTUNG KEPADA KEKUATAN NEGARA MEREKA UNTUK MENJAJAH. MELALUI KEBUDAYAAN, UMPAMANYA, PENJAJAHAN BOLEH DILAKUKAN TANPA PENGGUNAAN TENTERA ATAU WANG.

+ KESAN NEO-COLONIALISM TELAH PUN DIRASAI OLEH KITA, WALAUPUN RAMAI YANG MASIH TIDAK SEDAR. KEMERDEKAAN YANG KITA PERJUANGKAN DAHULU AKAN MENJADI SIA-SIA SAHAJA JIKA PENJAJAHAN BARU INI DIBENAR MENGGANTIKANNYA, + KATANYA. -- LAGI.
1524MST 30 08 85

MAHATHIR - PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENDEKATAAN YANG PALING BERKESAN MENGHADAPI PENJAJAHAN CARA BARU INI IALAH MELALUI PENGUSAHAAN ILMU PENGETAHUAN DALAM SEMUA BIDANG, TERMASUK AGAMA, DAN MELENGKAPI DIRI DENGAN SEGALA KEMAHIRAN.

+ JUSTERU ITU, KITA BOLEH MENGHALAKAN NASIONALISME KITA KEPADA PENCAPAIAN ILMU PENGETAHUAN DAN SEGALA KEMAHIRAN YANG BERMANFAAT BAGI MENGEKALKAN KEBEBASAN KITA, SERTA MARUAH DAN KEUTUHAN AGAMA, BANGSA DAN NEGARA, + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERHARAP SEMOGA SUATU HARI NANTI RAKYAT NEGARA INI BOLEH MENEROKAI DASAR LAUT BAGI MEMPEROLEHI HASIL PETROLEUM, MENGELUARKAN ALAT-ALAT PERKILANGAN, DAPAT MENTAFSIR DAN MEMAHAMI AJARAN AGAMA SEHINGGA TIDAK ADA YANG BOLEH MEMPERDAYAKAN MEREKA SERTA + MENYAKSIKAN KEINDAHAN KEWUJUDAN ALLAH SUBHANAHU WATAALA DI LANGIT DAN DI BUMI. +

DENGAN ITU, GENERASI MUDA BERTANGGUNGJAWAB MEMELIHARA DAN MENGEKALKAN KEMERDEKAAN NEGARA MELALUI PENGUSAHAAN SEMUA ILMU-PENGETAHUAN YANG BERMANFAAT, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH SOAL PENTINGNYA RAKYAT, TERUTAMA GENERASI MUDA, DIINGATKAN MENGENAI SEJARAH PERJUANGAN KEMERDEKAAN BAGI MENENTUKAN + SEJARAH HIDUP DIJAJAH TIDAK BERULANG LAGI. + -- LAGI.
1539MST 30 08 85

MAHATHIR - PERUTUSAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, BILANGAN MEREKA YANG PERNAH MERASA PAHIT MAUNG HIDUP DIJAJAH DULU BERKURANGAN TAHUN DEMI TAHUN SEMENTARA MEREKA YANG DILAHIRKAN SELEPAS MERDEKA KIAN MENINGKAT.

MENGIKUT ANGGARAN, HAMPIR 68 PERATUS PENDUDUK NEGARA INI, YANG BERJUMLAH KIRA-KIRA 15 JUTA ORANG, ADALAH DI BAWAH UMUR 30 TAHUN DAN INI BERMAKNA DUA PERTIGA RAKYAT TIDAK MENYAKSIKAN PERJUANGAN KEMERDEKAAN.

+ DENGAN MENINGKATNYA BILANGAN MEREKA YANG LAHIR SELEPAS MERDEKA, MAKA SEMAKIN BERKURANGLAH PENGHARGAAN TERHADAP KEMERDEKAAN BERBANDING DENGAN APA YANG DIRASAI OLEH GENERASI YANG TELAH DIJAJAH, + KATANYA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, SEMAKIN RAMAI PULA YANG MENGGANGAP KEMERDEKAAN HANYA SEBAGAI PERKARA BIASA.

+ KEADAAN SEPERTI INI BOLEH MELALAIKAN KITA DAN AKAN MENGHALANG PERJUANGAN MASA DEPAN NEGARA KITA, + TAMBAHNYA. -- LAGI.
1608MST 30 08 85

0749

1 8983 AAB

MAHATHIR - PERUTUSAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA SEMANGAT KEBANGSAAN ATAU NASIONALISME, YANG MELAHIRKAN KEMERDEKAAN NEGARA DULU, MEMPUNYAI UNSUR-UNSUR POSITIFNYA SENDIRI SEPERTI PERPADUAN.

PERPADUAN INILAH, KATANYA, YANG MEMBAWA KEJAYAAN KEPADA RAKYAT DALAM MENENTANG MALAYAN UNION DAN CARA-CARA PEMERINTAHAN BRITISH DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK SERTA ANCAMAN KOMUNIS DALAM TAHUN 1960.

DENGAN DEMIKIAN MEMANGLAH WAJAR SAMBUATAN HARI KEBANGSAAN TAHUN INI BERTEMAKAN + NASIONALISME TERAS PERPADUAN +, KATANYA.

PERDANA MENTERI YAKIN PENERAPAN TEMA INI AKAN MENEBAHKAN SEMANGAT RAKYAT MENENTANG PERPECAHAN, PERGISIRAN DAN UNSUR-UNSUR NEGATIF YANG HANYA MEMBAWA KERUNTUHAN DAN KEMUNDURAN.

KATANYA, PEMILIHAN MELAKA SEBAGAI PUSAT SAMBUTAN PERINGKAT NASIONAL HARI KEBANGSAAN ADALAH SANGAT SESUAI KERANA IA BUKAN SAHAJA MERUPAKAN PUSAT EMPAYAR YANG UTAMA DALAM SEJARAH TANAHAIR TETAPI TEMPAT PENGUMUMAN TARIKH KEMERDEKAAN DILAKUKAN 28 TAHUN LALU. -- BERNAMA.

1630MST 30 08 85